

Varsity NEWS

Terima pengiktirafan Rakan Strategik Media pada Majlis Promosi UPM

Oleh WAN ROSIDA WAN HAMAD

Sinar Varsity terus mengukuhkan peranannya dalam dunia media pendidikan apabila menerima Anugerah Pengiktirafan Rakan Strategik Media pada Majlis Promosi Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengiktirafan itu diberikan berdasarkan potensi dan komitmen kerjasama strategik dalam memperluas capaian serta memperkukuh komunikasi universiti berkenaan.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Datuk Profesor Ir. Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah.

Dalam majlis sama, beberapa organisasi media lain turut menerima penghargaan atas sumbangan signifikan dalam liputan berita berkaitan UPM sepanjang tahun lalu.

Sebanyak 13 kategori dipertandingkan, manakala 15 ahli akademik dan profesional UPM menerima Anugerah Visibiliti Media UPM 2025.

Ahmad Farhan dalam ucapannya berkata, media memainkan peranan penting sebagai rakan strategik dalam mengetengahkan kepakaran serta

pencapaian universiti, sekali gus membantu meningkatkan reputasi institusi itu di peringkat nasional dan antarabangsa.

"Sokongan berterusan daripada rakan media menjadi antara faktor utama dalam meningkatkan visibiliti universiti, selain merapatkan jurang antara dunia akademik dan masyarakat melalui penyampaian maklumat berasaskan ilmu serta penyelidikan.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan media yang hadir serta yang sentiasa komited menyokong UPM," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa UPM sentiasa membuka ruang untuk kerjasama strategik bersama pihak media, termasuk menyediakan akses kepada pakar universiti bagi mendapatkan maklumat atau bahan eksklusif.

Tambahnya, universiti itu juga berhasrat melahirkan lebih ramai pakar akademik yang mampu berinteraksi secara

efektif dengan media agar penyampaian ilmu dan hasil penyelidikan dapat difahami dengan lebih meluas oleh masyarakat.

"Langkah ini penting bagi memastikan maklumat yang tepat dan berautoriti dapat disampaikan kepada masyarakat, khususnya dalam era media sosial yang menyaksikan pelbagai reaksi serta penyebaran maklumat yang pantas," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Farhan berkata, UPM terus memperkukuh kedudukannya bukan sahaja dalam kecemerlangan akademik, malah sebagai peneraju agenda strategik negara dan global.

"Terbaharu, UPM melancarkan *Blueprint* Kesihatan Planet dan Kelestarian pada Januari 2026 sebagai langkah proaktif dalam memperkasakan peranan universiti itu sebagai agen transformasi global demi kesejahteraan sejagat.

"Inisiatif tersebut mencerminkan aspirasi UPM untuk muncul sebagai pusat rujukan utama di peringkat nasional dan

serantau dalam bidang kesihatan planet," katanya.

Tambahnya, dalam masa yang sama, UPM turut konsisten menerajui agenda keterjaminan makanan melalui pelaksanaan *Blueprint* Keterjaminan Makanan.

"*Blueprint* ini bukan sahaja menjadi rujukan di peringkat nasional menerusi Nexus Keterjaminan Makanan, malah turut memberi impak merentas institusi pendidikan tinggi di rantau Asia Pasifik.

"Agenda keterjaminan makanan merupakan usaha berterusan yang memerlukan komitmen jangka panjang serta kerjasama pelbagai pihak. Ia penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kelangsungan pembangunan negara sentiasa terpelihara," ujarnya lagi.

Langkah ini mengukuhkan lagi peranan UPM sebagai institusi pendidikan tinggi yang bukan sahaja melahirkan graduan berkualiti, tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada penyelesaian isu global.

MAJLIS PROMOSI UPM 2026 BERSAMA MEDIA

pada
7 April 2026 (Selasa) | [] malam
Panggung Percu
PKKSSAAS



Editor Eksekutif Lifestyle Sinar Harian, Meen Tahrin menerima sijil dan plak daripada Ahmad Farhan pada Majlis Promosi UPM.

Sinar Varsity rakan strategik media UPM

Sebanyak 13 kategori dipertandingkan, manakala 15 ahli akademik dan profesional UPM menerima Anugerah Visibiliti Media UPM 2025.

